

93-2488

SALASILAH NAMA TEMPAT

N E G E R I
PERAK
D A R U L R I D Z U A N

MOHD. ROSELAN AB. MALEK

NASKHAH PEMERINTARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
31 JUL 1993

BENEFIT PRISMA SDN BHD

Cetakan Pertama 1993

ISBN 983-9665-78-2 (SIRI)
983-9665-81-2

Persatuan Penerbit Buku Malaysia
No.Ahli: 8702

APB 718651

959.5114


MRA

© Hakcipta terpelihara.

Sebarang bahagian buku ini tidak bolch diterbitkan semula dalam apa cara sekalipun kecuali dengan izin bertulis daripada:

PENERBIT PRISMA SDN BHD

129, JALAN SS 25/2
TAMAN MEWAH
47301 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN



NEGRI PERAK DARUL RIDZUAN

Rupa perak tidak jauh berbeza daripada rupa timah. Hakikatnya, bukan perak tetapi timah, beserta getah, yang telah mengukuhkan ekonomi negeri Perak pada waktu dahulu.

Negeri Perak Darul Ridzuan terletak di bahagian barat Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan Kedah dan Pulau Pinang di utara, Kelantan dan Pahang di timur, dan Selangor di selatan. Keluasan Perak ialah 21,005 kilometer persegi, menjadikannya negeri yang kedua terbesar di Semenanjung selepas Pahang. Negeri Perak mempunyai bilangan penduduk yang kedua terbesar di Malaysia selepas negeri Johor.

PERAK



PERAK

Negeri Perak terbahagi kepada sepuluh buah daerah, iaitu Batang Padang, Kerian, Kinta, Kuala Kangsar, Perak Tengah, Perak Hilir, Perak Hulu, Larut-Matang, Selama dan Manjung. Bandar-bandar utama di negeri Perak ialah Ipoh, Taiping, Kuala Kangsar dan Teluk Intan.

Ipoh, ibu negeri Perak, adalah bandaraya yang ketiga terbesar selepas Kuala Lumpur dan Georgetown. Bandaraya ini terletak di lembah Sungai Kinta dan dikenali ramai sebagai bandar jutawan, kerana di sini banyak terdapat jutawan tauke bijih timah.

Bandar diraja negeri Perak ialah Kuala Kangsar, di tebing Sungai Perak. Kuala Kangsar terkenal dengan bangunan-bangunan yang tesergam indah dan bersejarah. Istana Iskandariah, tempat bersemayam baginda sultan Perak, terletak di Bukit Chandan yang dahulunya dikenali sebagai Changkat Negara.

Sungai Perak yang panjangnya kira-kira 400 kilometer adalah sungai yang kedua terpanjang di Semenanjung selepas Sungai Pahang. Selain menjadi nadi perhubungan yang penting waktu dahulu, Sungai Perak dan cabang-cabangnya memang terkenal dengan peristiwa-peristiwa bersejarah. Beberapa penemuan arkeologi membuktikan bahawa manusia pernah mendiami kawasan di sekitar sungai ini ribuan tahun yang lalu.

Dalam tahun 1987, kerja penggalian arkeologi yang dijalankan di Perak telah menemui kesan kewujudan manusia di Perak seawal-awal 35,000 tahun lalu.

Artifak tamadun lama pula telah ditemui di Kota Tampan dan Gua Badak di Lenggong serta di Gua Kerbau, Gol Bait, Sungai Siput dan Gunung Churau dekat Ipoh. Penemuan-penemuan itu dengan nyata membuktikan bahawa Perak telah didiami oleh manusia semenjak Zaman Paleositik (Zaman Batu Awal), kira-kira 8,000 tahun sebelum Masihi. Di Kota Tampan, telah ditemui ‘pengetuk batu’ yang digunakan oleh manusia purba. Ahli arkeologi menamakannya ‘Alat Kebudayaan Tampan’.

Di kawasan-kawasan Lenggong, Gunung Pondok dekat Beruas, Gua Kerbau dan beberapa tempat lain pula

ditemui bahan-bahan peninggalan Zaman Mesolitik (Zaman Batu Pertengahan), iaitu antara 2,000 hingga 8,000 tahun sebelum Masihi.

Pada zaman Ptolemy (hingga tahun 200 Masihi), negeri Perak telah dihakis oleh beberapa batang sungai yang deras dalam musim tengkujuh. Bahan-bahan peninggalan purba turut tertimbus dan kewujudan tamadun lama cuma terbayang daripada penemuan beberapa buah patung Hindu dan Buddha. Tapak penempatan awal yang pertama sekali digali ialah kawasan penempatan tamadun Hindu di Kuala Selinsing, di Kerian. Penggalian itu dijalankan dalam tahun 1928 oleh I.H.N. Evans.

Selain itu, terdapat sebuah kerajaan tua bergelar *Gangga Negara* yang terletak di daerah Beruas. *Gangga Negara* ialah perkataan Sanskrit yang bermaksud ‘Kota di Sungai Gangga (Ganges)’. *Gangga Negara* dikaitkan dengan *Kokkonegara* yang disebut oleh Ptolemy.

Sebelum munculnya nama ‘Perak’, *Sejarah Melayu* ada menceritakan nama-nama negeri yang wujud di kawasan negeri Perak. Dalam cetera pertama *Sejarah Melayu*, diriwayatkan bahawa Raja Suran bersama-sama dengan tenteranya telah sampai ke Gangga Negara (berhampiran dengan Dinding sekarang) dalam perjalanannya untuk menyerang China. Peperangan hebat tercetus di situ, mengakibatkan Raja Gangga Shah Johan pemerintah Gangga Negara terbunu. Raja Suran menang dan kemudiannya mengahwini Puteri Zaris, adik Gangga Shah Johan.

Bahan-bahan arkeologi yang ditemui memberi gambaran bahawa kerajaan tua di Perak itu wujud dari abad kelima atau keenam. Akan tetapi, sehingga kini belum lagi ada fakta yang konkret tentang asal usul kerajaan tersebut. Ada pendapat yang mengatakan pengasas kerajaan itu ialah Raja Ganji Sarjuna dari Kedah. Ada pula yang mengatakan kerajaan itu diasaskan oleh raja-raja Khmer dari wilayah yang kini dikenali sebagai Kemboja.

Sebelum menjadi pusat pemerintahan Gangga Negara, Beruas cuma sebuah perkampungan kecil di tebing Sungai Beruas. Beruas membangun apabila pedagang-pedagang dari India mula menggunakan Sungai Beruas sebagai tempat berlabuh dalam perjalanan mereka. Ketika Gangga Negara berada di puncak kemajuannya, Beruas berkembang menjadi sebuah kota yang kukuh pertahanannya. Bahagian luar kota ini dikelilingi oleh parit yang dalam. Di dalam kota inilah didirikan istana raja, rumah-rumah penduduk dan pasar.

Ada riwayat yang mengatakan bahawa pada tahun 890 Beruas pernah diserang oleh raja *Ganggayu* atau *Gelanggayu* iaitu kawasan yang terletak di Johor ataupun Pahang. Mengikut *Sejarah Melayu*, kira-kira dalam abad kesebelas Gangga Negara diserang oleh Raja Rajendra Chola Dewa I dari India. Raja Gangga Negara ketika itu bernama Gangga Shah Johan. Dalam serangan itu kerajaan Gangga Negara musnah sama sekali.

Menurut satu cerita dari zaman kesultanan Melaka, negeri Perak terbahagi kepada tiga daerah iaitu Beruas, Manjung,

dan Janin. Janin yang terletak di hulu Perak berada di bawah pemerintahan Tun Saban manakala Beruas dan Manjung menjadi wilayah takluk Melaka.

Penghulu Manjung ketika itu bergelar Tok Mahsuka. Beliau bersetuju dengan kedua-dua ketua daerah yang lain itu untuk menyatukan daerah-daerah mereka menjadi sebuah negeri. Sebilangan ahli sejarah berpendapat bahawa pada mulanya mereka mahu menamakan gabungan daerah itu 'Melaka', mungkin sebagai menggantikan Melaka yang telah jatuh ke tangan Portugis. Akhirnya mereka bersetuju bahawa nama itu tidak sesuai digunakan untuk negeri mereka.



Lantaran itu mereka teringat bahawa salah satu sebab utama Melaka terkenal dan masyhur ialah kerana kebijaksanaan Bendahara Tun Perak. Ketiga-tiga ketua daerah berkenaan pun bersetuju untuk menamakan negeri mereka ‘Perak’, sempena nama bendahara itu. Kemudian Tok Mahsuka mencadangkan mereka mengambil seorang raja yang berdaulat untuk memerintah negeri yang baru ditubuhkan itu.

Menurut cerita *Hikayat Merong Maha Wangsa* pula, asal usul nama Perak berkaitan dengan putera Raja Merong Mahapudi dari Kedah yang dikatakan meneroka sebuah negeri baru lanjutan satu ekspedisi.

Putera berkenaan telah sampai ke sebatang sungai yang besar. Di sana, baginda memanah ke udara dengan menggunakan sebilah anak panah yang diperbuat daripada perak. Anak panah itu dilancarkan daripada busar yang dinamakan *Indera Sakti*. Diriwayatkan bahawa anak panah itu telah jatuh di sebuah pulau. Pulau itu dinamakan *Indera Sakti*, dan negerinya dinamakan Perak.

Cerita daripada *Hikayat Merong Maha Wangsa* ini berlainan daripada cerita dalam *Misa Melayu* yang mengisahkan bagaimana sultan Perak yang kelima belas, Sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1770) membangunkan *Cempaka Sari* yang terletak di kuala Sungai Kinta. Baginda kemudian mengubah nama tempat itu kepada *Indera Sakti*.

Dalam cerita lain, tersebut kisah seekor haruan besar yang mengacah-acah anaknya sehingga air sungai menjadi

keruh putih berkilat, seperti perak. Daripada keadaan air itu lahirlah nama negeri Perak.

Hampir semua sumber sepakat mengatakan bahawa Sultan Muzaffar Shah (1528-1549) adalah sultan Perak yang pertama. Akan tetapi, pendapat mereka tentang bagaimana baginda sampai ke Perak berbeza-beza. Satu cerita meriwayatkan bahawa Raja Muzaffar, putera sulung Sultan Mahmud (sultan Melaka yang terakhir), datang ke negeri Perak atas kehendak baginda sendiri.

Raja Muzaffar bersama-sama dengan permaisurinya, Tun Terang dan puteranya Raja Mansur, telah meninggalkan Kampar, Sumatera dalam tahun 1528. Dari Kampar Raja Muzaffar pergi ke Klang, sebelum ke Perak. Perpindahan baginda dari Kampar itu berpunca daripada perlantikan adinda tiri baginda, Raja Ali, untuk menggantikan Sultan Mahmud Shah sebagai sultan Melaka dalam buangan.

Dalam perjalanan itu Raja Muzaffar membawa sebilah keris bernama *Cura Si Manjakini* yang lebih dikenali sebagai *Taming Sari*. Keris itu kini sebahagian daripada alat kebesaran diraja Perak.

Sebaliknya, ada riwayat yang menyebut bahawa Raja Muzaffar dan Raja Mansur dijemput dari Kampar oleh wakil orang Perak. Orang Perak berbuat demikian kerana mereka tertarik dengan kewibawaan raja-raja Melayu serta struktur pentadbiran dan pengaruh Kesultanan Melaka. Tun Saban dan Mahkota Kassim adalah utusan Perak yang pergi ke Sumatera untuk mendapatkan Raja Muzaffar Shah.

Raja Muzaffar Shah dan rombongannya disambut dengan gembira oleh rakyat negeri Perak. Baginda berangkat ke Perak dengan membawa alat-alat kebesaran sultan Melaka untuk takhta baru baginda di Perak. Baginda ditabalkan sebagai sultan Perak yang pertama pada tahun 1528 di Tanah Abang, Teluk Bakung.

Daripada keturunan Raja Muzaffar inilah wujudnya jurai keturunan sultan negeri Perak yang memerintah hingga sekarang. Walau bagaimanapun, pusat pemerintahan awal negeri Perak tidak tetap di satu tempat tertentu. Sebaliknya pusat pemerintahan itu sering dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain apabila keadaan memaksa atau jika tempat yang lebih sesuai ditemui.

Antara pusat pemerintahan yang tercatat dalam sejarah ialah Tanah Abang (sekarang dipanggil Air Mati) di tebing Sungai Perak dalam Mukim Bota, Bota Lama Kanan, Geronggong, Mukim Pulau Tiga, Semat, Mukim Senggang, Kota Kanan, Pasir Pulau Indera Mulia, Bandar Baru, Pasir Panjang, Durian Sebatang, Sayong, Batak Rabit dan Bukit Chandan, Kuala Kangsar iaitu semasa Sultan Idris Murshidul Adzam Shah I ditabalkan sebagai sultan Perak yang ke-28.

Pada tahun 1874 termeterai Perjanjian Pangkor. Negeri Perak dan negeri-negeri yang terpaksa menandatangani perjanjian itu dengan rasminya menerima campur tangan Inggeris dalam pentadbiran masing-masing.

Pada akhir bulan April 1874, Gabenor Sir Andrew Clark telah menghantar seorang pegawai Inggeris yang bermama

J.W.W. Birch dari Singapura untuk menjadi residen yang pertama bagi negeri Perak. Tugasnya ialah untuk memastikan cukai semua hasil negeri dikutip dan untuk menjalankan aturan pemerintahan negeri Perak.

Kehadiran dan tindak-tanduk Birch telah menimbulkan rasa tidak puas hati Sultan Abdullah Muhammad Shah yang memerintah ketika itu. Perasaan yang serupa melanda pembesar-pembesar Perak. Punca utama penentangan mereka ialah penglibatan Birch dalam hal-ehwal adat-istiadat Melayu serta kesombongan dan kejihilannya terhadap kebiasaan para pembesar Melayu. Ringkasnya, Birch seolah-olah bertindak sebagai seorang pemerintah, lantaran melampaui kuasanya sebagai penasihat.



Apabila perasaan marah sudah tidak terbendung lagi, pembesar-pembesar Melayu mengambil keputusan untuk membunuh Birch. Antara pembesar Perak yang mengambil peranan utama dalam pembunuhan itu ialah Datuk Maharaja Lela dan Datuk Sagor. Birch telah ditikam oleh Si Puntum, seorang pengikut Datuk Maharaja Lela, pada 2 November 1875 ketika beliau melawat Pasir Salak. Kerani Birch, Mat Arshad yang sedang menaikkan satu notis tuannya turut menjadi mangsa.

Selepas peristiwa berdarah di Pasir Salak itu pihak penjajah Inggeris telah mengambil langkah yang lebih keras. Sultan Abdullah dituduh sebagai orang yang merestui tindakan Datuk Maharaja Lela itu. Baginda telah dipecat dan dibuang negeri bersama-sama Menteri Larut, Laksamana dan Syahbandar ke Pulau Seychelles di Lautan Hindi.

Birch telah digantikan oleh Sir Hugh Low (1877-99). Dalam tempoh perkhidmatannya selama dua belas tahun itu beliau telah membuat beberapa rancangan pembangunan untuk memajukan negeri Perak. Antara rancangan pembangunannya itu ialah pembinaan landasan keretapi yang pertama di Semenanjung sejauh 30 kilometer dari Taiping ke Kuala Sepetang (Port Weld). Pembinaan landasan keretapi itu bertujuan memajukan industri perlombongan bijih timah dan perladangan getah di bahagian utara Perak.

Sebelum itu, Hugh Low menjadi orang yang pertama menanam getah di Perak. Benih getah itu ditanam di

Kuala Kangsar pada tahun 1877. Satu daripada sembilan batang pokok getah yang ditanamnya itu akhir-akhir ini masih boleh dilihat di pekarangan Pejabat Daerah Kuala Kangsar.

Pada tahun 1895, negeri Perak telah digabungkan dengan negeri-negeri Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan dalam pentadbiran yang dinamakan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS).



Teluk Intan

Teluk Intan, ibu daerah Perak Hilir, terletak di tebing Sungai Perak. Perkembangan awal bandar ini banyak berbergantung pada aktiviti pengangkutan sungai. Perahu-perahu dagang yang hendak mudik ke Ipoh dan Kuala Kangsar dari Selat Melaka dan hilir Perak semuanya mesti melalui Teluk Intan.

Bagaimanakah timbulnya nama Teluk Intan?

Menurut cerita, di sebuah desa yang terletak di siku Sungai Perak tinggal seorang wanita yang berasal dari Sumatera. Wanita itu seorang janda bernama Mak Intan.

Mak Intan berhati mulia, berkeperibadian tinggi dan manis orangnya. Sifatnya yang luhur itu amat disenangi oleh penduduk di situ. Malah Mak Intan agak berpengaruh di situ.

Untuk menyara hidup, Mak Intan menjalankan perniagaan. Dia sering berulang-alik ke Sumatera dengan membawa pelbagai jenis barang dagangan seperti kain, inggu dan rempah.

Pada suatu hari Mak Intan dan sahabat-sahabatnya pergi mandi di teluk atau siku Sungai Perak. Sambil mandi mereka bergurau-gurau dengan gembira. Ketika mereka bersuka-ria itu tiba-tiba cucuk sanggul Mak Intan terjatuh dan hilang di dalam sungai.

Cucuk sanggul itu adalah pemberian orang tua Mak Intan. Oleh sebab itu, kehilangannya sangat memilukan hati Mak Intan. Penduduk kampung bersimpati dengan Mak Intan. Bagi mengingati peristiwa itu mereka menamakan kampung mereka itu ‘Teluk Mak Intan’.

Teluk Mak Intan terus maju. Ramai orang Rawa, Kampar, Mendeheleng (dari Sumatera) dan orang Cina bertumpu ke kampung itu. Untuk memudahkan sebutan, ‘Teluk Mak Intan’ kemudian diringkaskan kepada ‘Teluk Intan’ sahaja.

Apabila Inggeris datang ke negeri Perak, nama bandar Teluk Intan telah ditukarkan kepada Teluk Anson, sempena nama seorang pegawai Inggeris, Kolonel Archibald Edward Harbord Anson. Kolonel Anson pernah

bertugas sebagai Pegawai Daerah Perak Hilir. Beliau banyak membawa kemajuan kepada bandar itu.

Walau bagaimanapun, pada 1 Januari 1982 nama bandar itu telah ditukar kembali kepada nama asalnya iaitu Teluk Intan. Sehubungan dengan itu, pada 29 Mei 1982 telah diadakan perayaan untuk menyambut 100 tahun usia bandar Teluk Intan.

Susunatur bandar Teluk Intan cuma sederhana. Hal ini tidak menghairankan kerana bandar ini bandar lama yang berkembang tanpa perancangan khusus.

Menara jam di Teluk Intan



Di pintu masuk ke bandar ini tesergam sebuah tugu peringatan perang yang bertulis *At the going down of the sun and in the morning we will remember them* (Ketika matahari terbenam dan ketika fajar menyingsing, kita akan mengingati mereka).

Di tengah-tengah bandar ini pula terdapat sebuah menara jam yang masih kukuh dan terkenal. Menara jam ini dibina pada tahun 1885 oleh kontraktor Cina bernama Leong Choon Choong. Menara ini berbentuk pagoda dengan ketinggian lapan tingkat atau kira-kira 25.5 meter. Yang menarik, menara jam ini telah condong, lalu menimbulkan perbandingan dengan menara condong yang termasyhur di dunia, *The Leaning Tower* di Pisa, Itali.

Landasan keretapi yang dibina oleh Inggeris untuk menghubungkan Teluk Intan dengan Tapah Road masih boleh digunakan. Walau bagaimanapun, pelabuhan Teluk Intan yang begitu penting ketika Inggeris memerintah dahulu tidak lagi digunakan.




Ipoh

Ipoh telah melalui perubahan wajah yang besar dalam masa yang agak singkat, bermula dengan sebuah perkampungan kecil hingga mencapai taraf bandaraya. Bandaraya Ipoh terletak di tengah-tengah Lembah Kinta iaitu kawasan bijih timah yang terbesar di Malaysia. Hasil bijih timah telah membangunkan Ipoh sehingga menjadi bandaraya yang ketiga terbesar di Malaysia.

Dahulu, di kalangan masyarakat Melayu, Ipoh dikenali sebagai ‘Paloh’. Paluh, mengikut ejaan semasanya, bermaksud lubuk atau tanah lekuk yang bertakung air. Setengah-setengah orang tua masih menggunakan nama

itu untuk merujuk kepada kawasan *People's Park* sekarang. Kawasan itu dahulunya suatu bagan atau pangkalan bagi perahu-perahu yang memudiki Sungai Kinta dari Batu Gajah dan Teluk Intan.



Paluh yang dimaksudkan dalam nama asal Ipoh ini sebenarnya wujud kira-kira dua ratus meter ke hulu *People's Park*, iaitu di kawasan di antara Jalan Sultan Idris Shah (Brewster Road) dan Jalan Sultan Iskandar Shah (Hugh Low Street). Kawasan di tebing timur Sungai Kinta ini dahulunya kawasan rumah Dato' Laksamana. Malah jalan yang selari dengan Sungai Kinta di kampung itu masih dikenali sebagai Jalan Laksamana.

Beberapa benteng dibina merentangi Sungai Kinta di Kampung Laksamana. Di hujung benteng itu diadakan paluh yang membolehkan pemasangan lukah - sejenis alat menangkap ikan. Sungai Kinta ketika itu kaya dengan ikan, sepetimana hutan di sekelilingnya kaya dengan binatang liar.

Rujukan kepada nama 'Ipoh' pertama sekali ditemui dalam tahun 1878. Nama itu digunakan di dalam buku McNair yang berjudul *Perak and the Malays*. Nama Ipoh dikatakan berasal daripada pokok ipuh atau upas (*Antiaris toxicaria*). Setengah-setengah orang berpendapat nama itu timbul kerana terdapat banyak pokok ipuh di kawasan Kampung Paloh itu. Yang selainnya berpendapat nama itu lahir sebagai rujukan kepada kawasan tempat berdirinya sebatang pokok ipuh yang besar. Kawasan itu dikatakan terletak berhampiran dengan Cowan Street.

Pokok ipuh tumbuh tirus terasing daripada pokok-pokok lain. Daunnya lebar dan berkilat. Pokok ipuh yang dewasa boleh mencapai ketinggian melebihi 100 kaki dengan ukur lilit umbinya melebihi sepemeluk. Orang Asli menggunakan getah ipuh sebagai racun anak sumpitan mereka untuk melumpuhkan binatang buruan.

Apabila bijih timah ditemui dengan banyaknya di Lembah Kinta, Orang Asli yang ramai menghuni kawasan Paloh berpindah ke kawasan pedalaman, di sekitar Tanjung Rambutan. Bilangan orang Melayu pula segera diatasi bilangan orang Cina. Kini, kedua-dua bijih timah dan pokok ipuh amat sukar untuk ditemui di Ipoh.

Salah satu tinggalan sejarah yang menarik di Ipoh ditemui di Gua Tambun dalam tahun 1930-an. Di dalam gua ini terdapat kesan-kesan tamadun yang berusia kira-kira 10,000 tahun. Antara kesan itu ialah lukisan-lukisan binatang purba seperti naga yang masih boleh dilihat di dinding gua ini.



Stesen Keretapi Ipoh



Kampung Lekir

Kampung Lekir terletak kira-kira 13 kilometer ke selatan pekan Sitiawan, di bahagian pantai Daerah Manjung. Kampung ini mula diterokai pada tahun 1798 oleh Tok Gondah yang nama sebenarnya Haji Ahmad bin Tok Laji. Tok Gondah orang alim, ahli kitab dan guru agama yang terkenal di daerah itu.

Lekir ialah nama sejenis pokok yang hidup liar di tebing-tebing alur dan sungai, terutama di kawasan tanah rendah yang berpaya. Bentuk daun lekir menyerupai bentuk daun kantan tetapi pokok lekir mempunyai batang. Pokok lekir tumbuh ke ketinggian 30-40 kaki.

Menurut cerita, Tok Gondah tinggal bersama-sama adik-beradiknya di Pulau Tiga, Kampung Gajah. Pada suatu hari dia mengajak saudara-saudaranya itu ‘mengembara’ dengan berdayung perahu di sungai. Setelah beberapa lama berdayung sampailah mereka di Bandar Hulu, Teluk Intan. Di sana abang Tok Gondah yang sulung mengambil keputusan tidak mahu lagi meneruskan perjalanan. Dia mahu menetap di situ sahaja. Tok Gondah tidak berjaya memujuk abangnya supaya menarik balik keputusannya.

Tok Gondah dan saudara-saudaranya yang lain meneruskan perjalanan mereka. Setelah beberapa hari berdayung, mereka sampai di Bagan Datoh di kuala Sungai Perak. Mereka berehat di situ untuk beberapa hari.



Setelah hilang penat, mereka meneruskan perjalanan. Mereka mendarat di Sungai Durian dan abang Tok Gondah yang kedua pula membuat keputusan untuk berkampung di situ sahaja. Tok Gondah tidak tertarik hati pada tempat itu, maka dia dan dua adiknya terus menyusur pantai hingga tiba di muara sebatang anak sungai yang terpencil.

Tok Gondah mendarat dan berkampung di situ tetapi adik-adiknya meneruskan perjalanan mereka. Seorang daripada mereka kemudian berkampung di Tanjung Teluk manakala seorang lagi menuju ke Ipoh.

Tempat Tok Gondah mendarat itu dilitupi hutan tebal. Binatang buas pun banyak di situ. Adik-adik Tok Gondah berasa hairan mengapa abang mereka telah memilih tempat itu untuk berkampung. Namun sampai akhir pun Tok Gondah tidak memberitahu sebab-sebab dia tertarik hati pada tempat itu.

Setiap hari Tok Gondah menebas dan menebang untuk meneroka tanah itu. Ketika menebang hutan itu dia menjumpai banyak pokok lekir. Terlintaslah di hati Tok Gondah untuk menamakan tempat itu Kampung Lekir.

Tok Gondah orang alim. Oleh sebab itu, dia segera mendirikan sebuah madrasah di Kampung Lekir. Berita tentang pembukaan Kampung Lekir dan madrasah baru itu tersebar luas. Kian hari kian ramai penduduk di sekitar kawasan itu yang tertarik untuk berpindah ke Kampung Lekir. Mereka membina rumah dan meneroka hutan belantara untuk dijadikan kebun.

Selepas bekerja di kebun, Tok Gondah menjadi guru agama. Dia sangat dihormati. Segala masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung dirujuk kepada Tok Gondah yang sentiasa bersedia untuk memberi bantuan. Keputusan yang dibuat olehnya tidak dibangkang. Lekir terus maju dan menjadi perkampungan besar.

Lekir yang pada mulanya sebuah desa kini dijadikan sebuah mukim dengan keluasan kira-kira 100 kilometer persegi, meliputi enam buah kampung dan beberapa ladang kelapa sawit serta sebuah rancangan tanah beliau Felcra.

Kini Lekir terkenal sebagai kawasan utama untuk pembiakan kerang. Pantainya yang berlumpur sangat sesuai untuk tujuan ini. Kampung-kampung yang meng-usahakan pembiakan kerang termasuk Tanjung Kepah, Sungai Tiram dan Batu Lapan. Tanjung Kepah juga terkenal sebagai salah satu tempat melihat anak bulan untuk menentukan ketibaan Ramadan dan Syawal.



Gunung Kurau

Gunung Kurau terletak kira-kira enam kilometer dari Batu Kurau di Daerah Kerian. Gunung batu kapur ini banyak menyimpan cerita rakyat. Gunung ini dikatakan diberi nama bersempena ikan kurau yang kononnya bertukar menjadi batu. Ikan batu itu dipercayai masih ada di dalam anak sungai yang mengalir di kaki gunung tersebut. Bagaimanapun, batu ikan kurau itu kini sudah terimbus oleh pasir dan tidak diketahui kedudukannya.

Gunung Kurau sering dikaitkan dengan cerita manusia gergasi. Manusia yang bertubuh besar, tinggi dan sasa itu dikenali sebagai Mat San. Dia berkuasa ke atas seluruh

gunung itu. Tidak ada orang yang berani menceroboh kawasan gunung itu kerana Mat San dikatakan sangat kedekut dan cepat naik darah.

Pada suatu hari, seorang petani telah pergi ke Gunung Kurau untuk mencari rotan. Petani itu tidak mengetahui tentang Mat San dan Mat San pula tidak menyedari kedatangan petani itu. Setelah beberapa lama berjalan akhirnya petani itu berjumpa dengan suatu kawasan yang ditumbuhi dengan pokok rotan yang banyak. Dia sangat gembira. Tanpa berlengah, petani itu terus menebang pokok-pokok rotan itu.

Sewaktu petani itu memotong sebatang rotan, mata parangnya terkena pucuk buluh yang melengkung ke bawah kerana dibelit oleh carang rotan. Sebaik sahaja terpotong pucuknya, pokok buluh itu pun berbingkas tegak semula.

“Aduhh...!” jerit petani itu kerana terperanjat apabila mukanya ditampar ranting pokok buluh yang berbingkas itu. Petani itu terus menjalankan kerjanya tetapi dengan lebih berhati-hati kerana takut terkena duri rotan atau ditampar ranting buluh sekali lagi. Pokok rotan yang sudah ditebang dibuang durinya dan kemudian diikat. Setelah banyak rotan yang dikumpulnya, petani itu pun pulang dengan hati yang riang.

Jeritan si petani itu tadi telah terdengar oleh Mat San. Akan tetapi, dia berada jauh dari kawasan rotan itu dan dia tidak dapat meneka dari arah mana datangnya jeritan itu.



Beberapa hari kemudian barulah Mat San berjalan melalui tempat petani itu mengambil rotannya. Apabila melihat bahawa banyak pokok rotannya yang cuma tinggal tunggul sahaja, Mat San naik marah.

"Ada juga manusia yang berani mengambil rotan di sini," bentak hatinya. "Tunggulah, akan aku ajar manusia itu!"

Mat San menghentak-hentakkan kakinya ke bumi sambil meninjau ladang rotannya. Tiba-tiba dia terperanjat besar. Mukanya pucat dan dadanya bergemuruh.

Hatinya berkata, "Nampaknya aku tidak boleh tinggal di sini lagi. Tidak kusangka, rupa-rupanya ada orang yang lebih tinggi dan besar daripada aku."

Mat San berkata begitu kerana dia ternampak pokok bu yang sudah terpangkas pucuknya. Pada fikirannya ada orang yang lebih besar dan tinggi daripadanya. Ke tidak, masakan orang itu berjaya memotong pucuk pokok buluh tersebut. Kalau manusia biasa tentu tidak terec pucuk yang begitu tinggi.

"Tentu orangnya lebih kuat daripada aku. Nampak sekarang aku mempunyai saingan. Aku tidak boleh tinggal di sini lagi, takut nanti bertemu dengan orang ini," kata hati Mat San dengan penuh rasa kecewa.

Dalam perjalanan untuk melarikan diri dan mencari tempat kediaman baru, Mat San terserempak dengan sekumpulan manusia yang sedang menjalankan upacara persandingan. Mat San terpesona melihat gaya kedua-dua pengantin yang dikenakan pakaian yang begitu indah. Sayangnya Mat San telah menegur kedua-dua pengantin itu. Akibatnya mereka segera menjadi batu.

Orang lain yang menghadiri upacara persandingan berterpiaran lari meninggalkan tempat itu untuk melamatkan diri. Mat San cuma ketawa terbahak-bahak. Tempat persandingan itu berlangsung kini dinamakan Bersanding sempena peristiwa itu.

Setelah itu Mat San meneruskan perjalanannya menuju Gunung Kurau. Beberapa lama kemudian Mat San terserempak pula dengan seekor harimau. Mat San terkejut besar lalu menegur harimau tersebut. Dalam sekelip mata sang harimau yang malang itu bertukar warna menjadi putih pucat, lantas hilang belangnya.

terus membatu. Kematian harimau itu tidak meninggalkan belang seperti kata pepatah, tetapi meninggalkan suatu tempat yang kini dikenali sebagai Gua Harimau.

Mat San meneruskan perjalanannya. Setelah beberapa lama berjalan Mat San bertembung pula dengan seekor gajah. Binatang itu juga ditegurnya. Kini terdapat batu yang berbentuk seekor gajah di kaki Gunung Kurau.

Selain Gua Harimau dan Gua Sanding, di Gunung Kurau juga terdapat Gua Dollah Setapa. Gua ini turut dikaitkan dengan Mat San. Sebelum kedatangan Islam, penduduk tempatan sering mengadakan upacara pemujaan dewa dekat Gunung Kurau. Setiap hujung tahun mereka membawa seekor kerbau ke sana untuk disembelih.



Setelah disembelih, kerbau itu dimasak dan dimakan beramai-ramai. Masakan yang tidak habis dimakan tidak boleh dibawa pulang ke rumah tetapi terpaksa ditinggalkan di situ.

Pada suatu hari datang orang yang bernama Dollah untuk bertapa di salah sebuah gua di Gunung Kurau itu. Setelah memenuhi segala syaratnya, Dollah pun duduk bertapa dalam gua itu. Sedang Dollah khusyuk bertapa, dia didatangi oleh pelbagai cubaan dan dugaan. Akan tetapi Dollah sangat tabah. Segala cubaan dan dugaan itu dapat diatasinya. Dollah sangat gembira dengan keberaniannya itu. Menurut syarat pertapaan, dia tidak boleh bergerak ke mana-mana sebelum tamat tempoh pertapaannya itu.

Pada waktu tempoh pertapaan itu hampir berakhiran, Dollah telah didatangi oleh suatu lembaga yang besar lagi tinggi yang muncul di depannya. Daripada susuk tubuh lembaga itu, Dollah tahu bahawa yang sedang berhadapan dengannya itu adalah jelmaan Mat San.

Dia pernah mendengar cerita-cerita lama tentang Mat San. Apabila mengingati semua cerita itu dia berasa ngeri laju tanpa berlengah lagi, dia terus meloncat turun dari batu tempat dia bertapa. Dollah lari selaju-laju yang terdaya untuk menyelamatkan dirinya. Sebaik sahaja sampai di bawah kaki Gunung Kurau, Dollah diserang sesak nafas laju pengsan dan meninggal dunia. Orang kampung telah menamakan gua tempat Dollah bertapa itu sebagai Gua Tempat Dollah Bertapa. Lama-kelamaan gua itu disebut Gua Dollah Setapa sahaja.



Taiping

Taiping adalah ibu daerah Larut dan Matang. Bandar ini terletak di kaki Banjaran Titiwangsa. Pada masa dahulu bandar Taiping dikenali sebagai Kelian Pauh.

Sejak penemuan bijih timah di Larut, beberapa banyak orang Cina telah datang ke Taiping. Kedatangan orang Cina itu seperti biasa diiringi oleh penubuhan kumpulan-kumpulan kongsi gelap. Kongsi gelap diadakan dengan tujuan menjaga kepentingan ekonomi dan kebajikan satu-satu suku. Ahli kongsi gelap sanggup melakukan sebarang jenayah atas nama kongsinya. Akibatnya, pergaduhan

sering berlaku antara kumpulan-kumpulan kongsi gelar itu. Pembunuhan berleluasa dan banyak harta benda yang musnah.

Keadaan di Kelian Pauh tidak aman lagi. Penduduk di situ sentiasa berada dalam ketakutan. Apabila keadaan huru hara tidak dapat dikawal lagi, kerajaan British pun mulai campur tangan. Akhirnya persengketaan dan pergaduhan yang berpanjangan selama dua belas tahun itu berakhiri sesudah termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874.

Penduduk di sekitar kawasan itu berasa gembira kerana tiada lagi kekecohan yang berlaku. Mereka dapat melanjutkan kehidupan masing-masing dengan aman dan damai. Pihak British mulai menyusun kembali pentadbiran Daerah Larut. Mereka juga memberi nama baru kepada Kelian Pauh. Nama baru itu ialah ‘Taiping’.

Taiping berasal daripada dua perkataan Cina, iaitu *tai* dan *ping*. Gabungan dua perkataan itu bermaksud ‘keamanan yang berkekalan’. Nama baru ini melambangkan tamanya kekacauan di Larut. Sejak dari itu, kegiatan ekonomi di Larut berkembang kembali. Bandar Taiping sendiri dipilih sebagai pusat pentadbiran atau ibu negeri Perak.

Sejajar dengan kedudukannya sebagai ibu negeri, Taiping dilengkapkan dengan bangunan-bangunan baru untuk pelbagai tujuan, seperti pejabat bendahari, hospital dan banglo untuk kediaman pegawai British. Menjelang 1888, Taiping sudah mempunyai mahkamah, pejabat-pejabat kerajaan dan perpustakaan. Bekalan air juga disediakan




Peta lakaran kawasan Taiping - Kuala Sepetang

Pada tahun 1885, landasan keretapi yang pertama di Tanah Melayu dibina untuk menghubungkan Taiping dengan Kuala Sepetang (Port Weld). Pembinaan landasan keretapi ni menunjukkan betapa pentingnya kawasan di sekitar Taiping terhadap ekonomi Perak.

Bandar Taiping mula kehilangan kepentingannya menjelang awal abad ini. Pengeluaran bijih timah merosot ejak tahun 1890-an. Dalam pada itu simpanan bijih timah yang lebih besar telah ditemui di Lembah Kinta. Oleh sebab itu, masyarakat Cina Taiping mula berpindah ke Ipoh. Akhirnya pusat pentadbiran juga telah dipindahkan dari Taiping ke Ipoh.

Taiping juga mendahului bandar-bandar lain di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS) dalam bidang pelajaran Inggeris. Sekolah Inggeris yang pertama di FMS telah dibuka oleh Hugh Low di Kemunting, berhampiran Taiping pada tahun 1878.

Bandar Taiping mempunyai beberapa banyak tempat yang menarik untuk dilawati. Di Muzium Negeri Perak, misalnya, pelawat boleh melihat binatang-binatang liar yang telah diawet, tengkorak-tengkorak binatang dan manusia, rekabentuk rumah Melayu tradisional, dan pakaian pengantin Melayu dahulukala.



Muzium Negeri, Taiping

Kota Ngah Ibrahim yang terletak berhampiran dengan Pekan Matang, Taiping telah dibina pada tahun 1856. Kota ini pernah digunakan sebagai tempat kediaman, pusat perdagangan, pusat pentadbiran dan juga pusat pertahanan. Ngah Ibrahim membina bangunan ini sebaik

sahaja dia berkuasa di Larut. Antara peristiwa bersejarah yang disaksikan di kota ini ialah perbicaraan mereka yang dituduh membunuh Birch di Pasir Salak.

Pada tahun 1913, bangunan bersejarah ini telah dijadikan bangunan Mactab Perguruan Melayu, iaitu asas Mactab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di Tanjung Malim. Apabila MPSI dibina, bangunan ini dijadikan Sekolah Kebangsaan Matang yang kekal hingga tahun 1983.

Selain daripada melihat bangunan-bangunan lama yang bersejarah, pelawat ke Taiping juga dapat menikmati udara dingin di atas Bukit Larut yang dahulunya dikenali sebagai Bukit Maxwell. Bukit Larut dengan ketinggian 1,034 meter, adalah bukit peranginan yang tertua di Malaysia. Tempat peranginan ini dimajukan oleh penasihat Inggeris yang bermama Sir Maxwell pada tahun 1867, iaitu kira-kira tujuh tahun sebelum Perjanjian Pangkor ditandatangani.



Selama

Bandar Selama terletak beberapa kilometer dari sempadan Perak-Kedah di utara Perak. Bandar yang meliputi kawasan seluas kira-kira 16,200 hektar ini sudah wujud sejak lebih satu abad yang lalu.

Menurut catatan sejarah, Selama telah diterokai oleh Abdul Karim Raja Aman Shah pada tahun 1870. Pada ketika itu kawasan Larut sedang mengalami perang saudara. Kehidupan dan mata pencarian penduduk di situ terancam. Oleh sebab itu, Abdul Karim mengambil keputusan untuk berpindah ke tempat lain dan memulakan penghidupan baru.

Selepas mendapat restu Orang Kaya Larut Long Jaafar, Abdul Karim bersama-sama dengan dua belas orang pengikutnya melarikan diri mencari penempatan baru yang lebih selamat. Mereka lari menuju ke Batu Kurau. Dari Batu Kurau mereka menuju ke Sungai Bayur, melalui Teras Ijok.

Apabila sampai ke Sungai Bayur mereka telah mendapat perlindungan dan bantuan daripada Penghulu Mohd Dahari Abdullah. Setelah beberapa hari berehat di situ mereka menuju ke selatan pula, menghilir sungai dengan menggunakan rakit buluh.

Apabila sampai di muara sungai mereka mendarat di suatu kawasan yang dikenali dengan nama Pangkalan Rawa. Abdul Karim dan pengikutnya mendirikan khemah berhampiran dengan pangkalan itu. Para pengikut Abdul Karim itu termasuk dua orang wanita. Salah seorang daripadanya sarat mengandung. Wanita itu melahirkan anak perempuan dan menamakannya Habibah.

Dari situ, mereka berpindah ke satu tempat lain, iaitu satu kawasan tanah lapang di Kampung Medan. Kampung Medan pada ketika itu berada di bawah pemerintahan Kedah. Abdul Karim telah menjadikan kawasan tanah lapang itu satu perkampungan baru.

Sebelum mengambil keputusan untuk menetap di situ, Abdul Karim menemui orang besar Taiping iaitu Tengku Jusuh untuk meminta kebenaran. Setelah mendapat kebenaran, mereka memulakan hidup baru di situ dengan menjalankan pelbagai kerja pertanian.

Mereka menghilir Sungai Kerian yang mengalir berhampiran dengan kampung itu untuk mendapatkan barang-barang keperluan di kualanya. Hasil pertanian mereka seperti pisang, ubi, tebu dan jagung juga dipasarkan di kuala Sungai Kerian.

Tidak lama kemudian, bijih timah telah ditemui di suatu kawasan tidak jauh dari perkampungan mereka. Perkembangan ini menarik perhatian Abdul Karim dan mendorongnya untuk berpindah ke kawasan bijih itu.

Abdul Karim bertekad untuk menetap di tempat baru itu buat selama-lamanya dan tidak mahu berpindah-randah lagi. Jauh sekali daripada berpindah kembali ke Larut. Dia sering menggunakan ungkapan ‘selama-lamanya’ untuk menegaskan azamnya itu. Akhirnya ungkapan itu menjadi buah mulut orang kampung dan tempat itu mula dikenali sebagai ‘Selama’.

Sejak dari penemuan bijih timah itu pekan Selama semakin membesar dan sibuk. Selama sering didatangi tauke-tauke bijih khususnya dari Taiping untuk membuka lombong baru di situ. Kedatangan pekerja-pekerja lombong itu menyebabkan jumlah penduduk Selama meningkat dengan mendadak.



Betin Beras Basah

Betin Beras Basah adalah satu tempat yang penting dalam sejarah awal kesultanan Perak. Tempat ini menampilkan pelbagai kisah yang penuh misteri. Selain daripada terkenal sebagai tempat istiadat pertabalan sultan Perak, Betin Beras Basah juga masyhur kerana dianggap keramat oleh segolongan masyarakat Melayu tempatan.

Apabila Sultan Muzaffar Shah bersetuju untuk menjadi sultan Perak, baginda telah diwariskan alat kebesaran diraja negeri Melaka. Rombongan baginda yang belayar menyeberangi Selat Melaka disambut oleh orang Perak di Betin Beras Basah, di kuala Sungai Perak. Menurut cerita,

ketika bakal sultan itu hendak masuk ke Sungai Perak bahtera baginda telah tersangkut pada beting pasir muara sungai itu. Bahtera baginda terlekat dan tidak dapat mudik. Di situ lah baginda telah berseru dengan melafazkan kata-kata:

Selilit Tanah Minangkabau,
Selengkung Pulau Perca,
Dilingkung ular sakti muna,
Sebenarnya aku keturunan raja,
Jauhkan segala malapetaka,
Perpisahan aku di Selat Melaka.

Selepas itu barulah bahtera baginda terlepas daripada tahanan beting pasir itu. Bahtera itu segera melintasi kawasan beting dan singgah di tempat yang bernama Tanah Abang, di Teluk Bakung. Di tempat tersebut Raja Muzaffar Shah ditabalkan sebagai sultan Perak yang pertama.

Peristiwa yang sama telah melahirkan satu metos yang lebih menarik. Menurut metos itu, pelayaran Raja Muzaffar Shah yang membawa pelbagai alat kebesaran diraja Melaka itu terpaksa menempuh bermacam-macam cabaran dan detik-detik cemas. Semasa belayar berhadapan dengan Betin Beras Basah, tiba-tiba bahtera baginda dipukul ribut kencang sehingga bahtera baginda seolah-olah mahu karam pada bila-bila masa.

Apabila bahtera itu tidak dapat dikawal lagi, baginda memanggil menghadap pawang diraja. Pawang menasihatkan supaya semua alat kebesaran diraja dibuang

rak
r di
apa
faz.

ada
tasi
uma
kaja
ang

ang
zaja
ran

ram

am-
nda

itu

nda
itu
ang

ke laut kecuali pedang kebesaran baginda. Baginda menerima nasihat itu. Setelah semua alat kebesaran baginda kecuali pedang dibuang, dengan tak semena-mena ribut yang dahsyat itu reda.



Sejurus kemudian, sauh dicampak ke air dan rombongan diraja berehat sementara menanti waktu untuk belayar semula. Apabila mereka telah bersiap untuk belayar, baginda mengarahkan nakhoda bahtera itu untuk memberi arahan supaya dinaikkan sauh dengan seberapa segera.

Malangnya, walaupun semua tenaga rombongan diraja dan kelasi bahtera itu digunakan, sauh itu tidak juga dapat ditarik naik. Seakan-akan ada benda berat di dasar laut yang sedang menindihnya.

Sekali lagi pawang diraja dipanggil menghadap baginda. Pawang itu memberitahu bahawa hanya baginda sahaja yang dapat menarik naik sauh berkenaan.

Kata pawang itu: "Pertama, tuanku hendaklah turun ke dasar laut untuk melepaskan sauh yang patik percaya tersangkut pada suatu tempat yang luar biasa. Kemudian barulah dapat tuanku menarik naik sauh itu."

Raja Muzaffar pun menuruti nasihat pawang itu lalu menyelam ke dasar laut untuk mengetahui tempat tersangkutnya sauh bahtera baginda. Di dasar lautan itu baginda termampak sebuah istana yang indah. Baginda sangat hairan. Tidak pemah terlintas di hatinya bahawa ada kerajaan yang memerintah di dasar lautan.


Ada kisah yang mengatakan bahawa baginda menghadap raja yang memerintah di dasar laut itu dan membuat perjanjian dengannya. Ada pula yang mengatakan baginda cuma meminta izin pemerintah laut itu. Biar apa sekalipun, semua peristiwa dalam kisah ini dipercayai berlaku dalam masa tujuh hari dan tujuh malam genap.

Setelah selesai segala urusan baginda di dasar laut, Raja Muzaffar Shah naik ke bahtera dan dengan mudah menarik tali sauh itu. Setelah tali sauh itu ditarik, dengan tiba-tiba timbul sebuah dataran tanah pasir yang juga disebut beting pasir. Pasir beting ini menyerupai beras yang basah. Maka sempena kejadian itu tempat berkenaan dinamakan Betin Beras Basah.

Upacara pertabalan Raja Muzaffar Shah di Tanah Abang pada tahun 1528 disaksikan ramai penduduk Perak. Tun Saban dan Tun Temong, dua pembesar yang mempunyai kawasan pemerintahan masing-masing di Perak, telah menghadap baginda dengan membawa pelbagai jenis

persembahan, termasuk gajah. Hadiah-hadiah itu adalah pemberian rakyat di hulu Perak dan Temong.

Tok Temong juga menghadiahkan tangkal azimat yang diberi nama ‘Geliga Embun’ yang hingga ke hari ini masih menjadi alat kebesaran negeri Perak. Untuk membawa Geliga Embun itu, Tok Temong telah diiringi oleh 77 ekor gajah dari hulu Perak.



Sebagai balasannya, Sultan Muzaffar Shah telah mengurniakan Puan Bujur kepada Tok Temong. Akan tetapi, beliau menolak pemberian itu. Sebaliknya, Tok Temong memohon agar beliau dapat terus memerintah kawasan di sebelah kiri mudik Sungai Perak, dan meminta agar semua sultan yang mewarisi takhta kesultanan Perak menghadkan kawasan pemerintahannya ke tebing

kanan mudik Sungai Perak sahaja. Sultan Muzaffar Shah telah berkenan dengan permintaan itu. Tradisi itu terhenti semenjak pemerintahan sultan Perak yang ke-28, Sultan Idris Shah I (1887-1916). Baginda mengetepikan tradisi itu dan membina sebuah istana di tebing kiri mudik Sungai Perak.

Sultan Muzaffar Shah memerintah Perak selama 21 tahun. Baginda mangkat dalam tahun 1549 dan dimakamkan di Tanah Abang. Makam baginda kemudian dikenali sebagai 'Marhum Tanah Abang'.

Hari ini Betin Beras Basah masih penting dalam adat-istiadat pertabalan sultan Perak. Lawatan ke Betin Beras Basah di muara Sungai Perak adalah sebahagian daripada upacara pertabalan sultan.

Untuk sampai ke Betin Beras Basah pengunjung perlu menaiki bot penambang dari jeti di Pekan Bagan Datoh. Perjalanan bot memakan masa kira-kira 45 minit. Tempat itu juga boleh dikunjungi dengan mengikuti jalan darat, iaitu melalui kampung Sungai Balai Baroh, empat kilometer dari Bagan Datoh.



Gerik

Pada tahun 1899 Gerik cuma sebuah kampung kecil. Beberapa keluarga Melayu yang menghuni kampung itu bergantung kepada hasil hutan sebagai punca pendapatan mereka. Di sekeliling kampung itu semuanya hutan. Menurut cerita, orang Melayu yang pertama menghuni di situ datang dari Pattani, Thailand melalui Sungai Hanyir. Mereka membuat perkampungan di kuala sungai tersebut.

Ketua kumpulan orang Melayu pertama itu bernama Tok Saad. Ketika itu kawasan Gerik dikuasai raja Siam yang bernama Raja Reman yang juga dikenali sebagai Tuan Jagung.

Apabila Gerik dijadikan sebahagian daripada wilayah Perak Hulu, kampung kecil itu segera bertukar wajah. Pada tahun 1901, pusat pentadbiran daerah kerajaan telah dipindahkan dari Janing ke Gerik.

Pelbagai cerita dikaitkan dengan asal usul nama Gerik. Menurut satu cerita, nama Gerik dikaitkan dengan perdu buluh. Raja Reman selalu pergi berburu di sekitar Kampung Gerik. Hutan di situ pada ketika itu amat kaya dengan binatang buruan seperti rusa, pelanduk, seladang dan sebagainya.

Pada suatu hari, Raja Reman bersama-sama dengan beberapa orang pengiringnya pergi memburu gajah untuk dijadikan kenderaan pengangkut barang-barang. Raja Reman berburu di Gunung Tujuh yang terletak berhampiran dengan Kampung Kenderong. Kawasan itu kononnya memang banyak gajah.

Akan tetapi, setelah beberapa lama berburu mereka masih tidak menjumpai gajah. Hal ini sangat aneh dan sama sekali tidak diduga oleh Raja Reman mahupun pengiring-pengiringnya. Akhirnya Raja Reman memerintahkan supaya mereka berehat dahulu.

Para pengiring Raja Reman berehat dan mengalas perut masing-masing. Raja Reman sendiri berada di bawah serumpun buluh. Ketika Raja Reman sedang beristirahat itu baginda terdengar suatu bunyi yang ganjil. Baginda tidak pernah mendengar bunyi bergetar seperti itu.

“Apakah bunyi yang ganjil itu?” tanya baginda.

Malangnya semua pengiring baginda tidak tahu akan bunyi itu. Mereka semua menjawab: "Patik pun tidak pernah mendengar bunyi yang ganjil itu."

Termenung baginda seketika memikirkan perihal bunyi itu. Setelah baginda betul-betul mengamati bunyi itu, tahulah baginda bahawa bunyi itu datang dari perdu buluh tempat baginda beradu. Baginda memerintahkan supaya para pengiringnya menggali perdu buluh itu untuk mengetahui bagaimana bunyi itu terhasil.

"Beta mahu kamu semua menggali perdu buluh ini agar beta tahu apa yang berbunyi itu," titah Raja Reman.

Para pengiring Raja Reman terus menggali perdu buluh tersebut. Mereka begitu terperanjat apabila mendapati berpuluhan-puluhan ekor cengkerik sedang menggerit perdu buluh itu. Kini tahulah Raja Reman punca bunyi yang aneh itu. Baginda sangat tertarik dengan peristiwa itu lalu menamakan kampung itu Kampung Gerit. Perkataan 'gerit' lama-kelamaan berubah menjadi 'gerik'.

Sejak peristiwa itu Kampung Gerik terus berkembang. Pegawai Daerah Perak Hulu yang pertama ialah C F Bozzolo, dan yang kedua Berkeley. Pada awal tahun 1907, Berkeley telah merumuskan suatu rancangan terperinci untuk membangunkan daerahnya.

Dia mencipta satu cogan kata sebagai panduan pelaksanaan rancangan-rancangan kemajuan daerah itu. Cogan kata itu berbunyi 'Kor Dahulu' yang membawa erti 'perlahan-lahan dahulu'. Cogan kata itu beserta dengan

lambang seekor gajah kemudiannya telah dijadikan lambang Daerah Perak Hulu. Lambang tersebut boleh dilihat pada surat-surat rasmi kerajaan dan harta benda milik kerajaan di daerah Gerik.

Walaupun kor dahulu membayangkan bahawa Gerik berkembang secara perlahan-lahan tetapi sebenarnya kemajuannya tidaklah tertinggal jauh di belakang bandar-bandar lain. Kini dengan terbinanya Lebuh Raya Timur-Barat, Gerik pasti membangun dengan lebih pesat.



Pulau Pangkor

Pulau Pangkor pulau yang paling terkenal di negeri Perak. Selain daripada pantainya yang indah, pulau ini juga masyhur sebagai tempat temeterainya perjanjian yang merasmikan campur tangan British dalam pentadbiran sultan-sultan Melayu. Perjanjian Pangkor ditandatangani pada 20 Januari 1874.

Tidak seperti sangkaan ramai, pulau ini sudah digunakan sebagai ‘tempat percutian’ sejak lama dahulu. Raja-raja dan orang besar yang belayar di Selat Melaka sering singgah di pulau ini untuk beristirahat. Oleh sebab itu, pulau ini dahulunya dikenali dengan nama Pulau Singgah.

Sultan Perak sangat tertarik pada keindahan pulau ini sehingga baginda membina sebuah istana di situ. Istana itu dipanggil Istana Hinggap. Setahun sekali baginda berkunjung ke istana tersebut untuk berehat.

Ketika itu tidak ada orang yang menetap di Pulau Singgah. Namun disebabkan baginda sultan selalu berkunjung ke pulau itu lama-kelamaan tergeraklah hati beberapa penduduk di pesisiran pantai yang berdekatan dengannya untuk membuka perkampungan di situ.

Orang yang pertama sekali berpindah ke situ ialah Pak Pangkor beserta dengan keluarganya. Dia berasal dari Pantai Remis. Keadaan kehidupan penduduk di Pantai Remis ketika itu amat susah. Kehidupan Pak Pangkor sendiri ibarat kais pagi makan pagi.

“Nampaknya nasib kita di sini tidak berubah-ubah,” kata Pak Pangkor kepada isterinya, Mak Wan. “Walaupun aku bersusah-susah berusaha tetapi nasib kita masih juga begini. Apakah yang akan terjadi kepada anak kita Awang yang masih kecil ini jika kita tidak dapat mencari rezeki yang lebih?”

Setelah berbincang, Pak Pangkor suami isteri bersetuju untuk berpindah ke Pulau Singgah untuk memulakan penghidupan baru. Beberapa hari kemudian, dengan berbekal sedikit makanan mereka pun belayar menuju ke Pulau Singgah. Mereka terpaksa merempuh ribut dan ombak besar tetapi mereka sampai juga ke tempat yang dituju itu.

Pak Pangkor membuat pondok kecil dan ringkas untuk mereka bertiga berlindung dan bermalam. Keesokannya awal-awal pagi lagi Pak Pangkor sudah bangun. Dia berjalan meninjau di sekitar pulau itu untuk mencari tapak yang sesuai untuk didirikan pondok yang lebih baik. Akhirnya Pak Pangkor menjumpai suatu tempat yang mempunyai mata air dan terus berkenan pada tempat itu.

Hampir setiap hari pasangan suami isteri itu menggembeleng tenaga untuk membersihkan kawasan hutan yang berhampiran dengan pondok mereka. Setelah hutan itu ditebang dan diterangkan, mereka menanam ubi kayu, pisang, jagung serta pokok buah-buahan. Bumi yang dipilih oleh Pak Pangkor itu sangat subur kerana tanamannya sungguh menjadi. Ketika tidak berkebun Pak Pangkor pergi berburu atau menangkap ikan.

Pada suatu hari sultan Perak dan rombongannya singgah di pulau itu untuk beristirahat. Pada mulanya rombongan diraja itu tidak menyedari bahawa pulau itu sudah mendapat penghuninya yang pertama. Pada waktu rombongan diraja itu berburu, seorang pembesar sultan telah terpandang akan kebun Pak Pangkor. Beliau segera memberitahu rakan-rakannya.

Mereka terkejut. Pada kunjungan lalu, mereka telah berburu di segenap ceruk pulau itu namun tidak pun mereka terlihat kebun tersebut. Setelah mereka menyiasat, tahu lah mereka bahawa sudah ada orang yang baru menetap di pulau itu. Pemilik kebun itu kemudian dikenal pasti sebagai Pak Pangkor.

Pak Pangkor dijemput untuk menghadap sultan. Dia membawa pelbagai jenis buah-buahan hasil kebunnya untuk dipersembahkan kepada sultan. Sejak perjumpaan sultan dengan Pak Pangkor itu beberapa ahli rombongan diraja serta kerabat baginda sendiri telah menunjukkan minat untuk menetap di Pulau Singgah. Buah-buahan yang dibawa oleh Pak Pangkor membuktikan bahawa tanah di pulau itu memang subur dan sesuai untuk bercucuk tanam.

Selepas peristiwa itu orang kebanyakan dari tanah besar juga mula berpindah ke Pulau Singgah. Mereka merujuk kepada kampung yang sedang berkembang itu sebagai Kampung Pangkor, sebagai memperingati nama orang yang mula-mula menerokanya.

Awang, anak Pak Pangkor, membesar dengan baik sehingga menjadi pemuda yang gagah perkasa. Dia sentiasa disenangi oleh penduduk kampung kerana sifatnya yang peramah dan suka menolong orang.

Pada satu ketika, sultan dan rombongannya sekali lagi belayar untuk beristirahat di Kampung Pangkor. Akan tetapi, dalam perjalanan ke pulau itu kapal baginda telah dipukul ribut. Keadaan kapal baginda sangat mencemaskan. Laut bergelombang besar, langit dicakar petir dan hujan mencurah-curah. Walaupun ketakutan, anak kapal berusaha keras untuk menyelamatkan kapal itu daripada tenggelam.

“Tuanku, nampaknya kapal kita akan tenggelam!” kata nakhoda kapal itu.

"Air telah masuk dengan banyaknya. Kita perlu berbuat sesuatu, Tuanku," tambah seorang pengiring baginda.

"Apa yang patut kita lakukan?" tanya baginda.

"Tuanku, kita terpaksa membuang barang-barang muatan untuk meringankan kapal kita," jawab nakhoda itu.

Sultan bersetuju. Nyawa memang lebih penting daripada harta benda. Ketika baginda hendak membuang sebuah peti tiba-tiba tengkolok di kepala baginda tertanggal lalu jatuh. Tengkolok yang bertatah dengan emas dan yang menjadi lambang kuasa dan kebesaran negeri itu tidak sempat disambar lalu menjunam jatuh ke dalam laut.

Lama selepas itu ribut pun mati. Air laut kembali tenang. Sultan dan anak kapal baginda gembira kerana mereka telah selamat. Walau bagaimanapun, sultan mula berasa sedih apabila teringat bahawa tengkolok baginda telah hilang di laut.

Rombongan diraja itu meneruskan perjalanan mereka ke Kampung Pangkor. Penduduk kampung yang keluar untuk menyambut ketibaan kapal sultan itu berasa hairan bercampur bimbang. Anak kapal semuanya kelihatan letih. Mereka tertanya-tanya apakah yang telah terjadi? Adakah sultan terselamat? Bagimanaakah kapal baginda rosak dengan begitu teruk sedangkan cuaca hari itu baik?

Setelah diberitahu bahawa kapal sultan dipukul ribut kencang dan sultan terselamat penduduk kampung bergotong-royong membaiki kapal baginda itu. Mereka

menyediakan makanan dan tempat rehat untuk sultan dan rombongannya.

Pada malam itu, sultan dan rakyatnya berkumpul. Baginda bertitah kepada ahli rombongan dan penduduk kampung bahawa sesiapa yang menemui dan mengembalikan tengkolok diraja yang hilang itu akan diberi hadiah yang lumayan. Orang itu akan diberi sebuah kawasan dan dilantik sebagai pembesar daerah.

“Beta berharap berita ini dapat disebarluaskan kepada seluruh rakyat di negeri Perak ini,” titah baginda.

Maka tersebarlah berita tentang kehilangan tengkolok sultan itu serta hadiah yang ditawarkan kepada orang yang mengembalikannya kepada sultan.

Apabila berita itu tersebar ramailah rakyat baginda yang ingin mencari tengkolok diraja itu. Awang, pemuda yang gagah perkasa itu tidak ketinggalan daripada mencuba nasibnya. Mak Wan mencuba menghalang cita-cita anak tunggalnya itu tetapi tidak berjaya. Pak Pangkor sebaliknya merestui usaha anaknya itu. Pak Pangkor tahu bahawa anaknya itu kuat dan tidak mudah putus asa.

Pak Pangkor bukan sekadar memberi semangat tetapi juga menolong anaknya membuat perahu. Pada masa yang sama beberapa pemuda lain turut membuat persiapan untuk mencari tengkolok diraja itu.

Ramailah orang yang melancarkan perahu mereka ke laut. Hari berlalu namun tidak ada sesiapa pun yang berjaya

mengembalikan tengkolok itu. Sultan kini sudah beberapa hari pulang ke istananya.


Pada suatu malam, baginda bermimpi bahawa tengkolok itu sedang dijaga oleh seekor naga yang berkepala tujuh. Jauh dari istana, Awang anak Pak Pangkor juga telah bermimpi perkara yang sama.

Awang yakin bahawa mimpi itu benar. Dia segera menempah pedang yang bermata tujuh dan membuat persiapan untuk mengambil tengkolok itu. Orang kampung naik hairan melihat pedang Awang yang ganjal itu. Mereka tertanya-tanya: apakah yang sudah melanda Awang?

Sudah ramai orang yang mencari tengkolok sultan. Namun penyelam-penyelam yang terkemuka juga semuanya gagal. Sultan hampir berputus asa. Akan tetapi, beberapa malam yang berikutnya sultan sekali lagi bermimpi tentang tengkolok baginda dan naga yang berkepala tujuh itu.

Keesokannya baginda memberitahu orang ramai tentang mimpi baginda itu. Rakyat yang mendengar cerita baginda itu terus putus asa. Siapa yang tidak takut kepada naga yang berkepala tujuh? Tiada sesiapa yang berani berhadapan dengannya. Apabila sultan mengetahui hal yang demikian baginda segera mengeluarkan tawaran baru. Baginda akan mengahwinkan puteri baginda dengan sesiapa sahaja yang berjaya membawa balik tengkolok baginda itu.

Awang kian bersemangat apabila dia mendengar tawaran sultan itu. Setelah selesai semua persiapan Awang pun menaiki perahunya menuju ke tempat kapal baginda dipukul ribut dahulu. Di sana, Awang terus terjun ke laut.



Di dasar laut Awang menjumpai sebuah gua yang besar lalu dengan berani dia berenang ke dalamnya. Sejurus kemudian Awang sudah berada di dalam perut gua itu dan termampak naga yang besar yang berkepala tujuh. Naga itu seakan-akan sedang menunggu kedatangannya. Awang juga dapat melihat tengkolok sultan yang hilang itu berada berhampiran dengan naga itu.

Awang menyembunyikan dirinya di sebalik batu-batu sambil beransur-ansur mendekati naga itu. Apabila satu daripada tujuh kepala naga itu menghampirinya, sepanas

kilat Awang menghayun pedangnya dan memancung kepala naga itu. Kepala naga itu putus dan darah mengalir dengan banyaknya sehingga air laut di dalam gua itu bertukar warna menjadi merah.

Hari itu Awang tidak dapat memotong kepala yang lain kerana air sudah begitu keruh. Keesokannya Awang pergi ke gua itu lagi dan mengulangi usahanya. Kali ini Awang menggunakan mata pedangnya yang kedua. Dia terpaksa menanti hari keesokannya untuk memotong kepala naga yang ketiga dan hari-hari yang seterusnya untuk kepala-kepala yang lain. Begitulah usaha Awang sehingga dia berjaya memotong kesemua tujuh kepala naga itu menjelang hari ketujuh.

Setelah Awang berjaya membunuh naga berkepala tujuh itu dia mengambil tengkolok raja dan membawanya ke istana. Awang disambut sebagai seorang pahlawan oleh rakyat jelata. Sultan juga sangat gembira dengan keberanian Awang itu.

Sejak itu Awang menjadi pembesar negeri dan dikahwinkan dengan puteri baginda. Upacara perkahwinan Awang dan puteri sultan itu telah diadakan secara besar-besaran.

Tidak beberapa lama kemudian Awang diberi gelaran Datuk Maharaja Awang Pangkor. Dia dihadiahkan tanah yang luas, iaitu seluruh Pulau Singgah termasuk Kampung Pangkor. Untuk mengenang bakti Awang, Pulau Singgah juga telah ditukarkan namanya kepada Pulau Pangkor.

Kini Pulau Pangkor terkenal sebagai ‘Pulau Fantasia’, pulau percutian dengan keindahan alam semula jadi yang dikunjungi ramai pelancong. Antara kawasan pantai yang menjadi tumpuan pelancong ialah Pantai Pasir Bongak dan Pantai Puteri Dewi. Di sekeliling pulau ini pula terdapat beberapa buah pulau kecil yang boleh dikunjungi dengan bot. Antara pulau-pulau kecil yang menarik untuk dilawati itu ialah Pulau Mentagor, Pulau Tikus, Pulau Sembilan dan Pulau Pangkor Laut.

Di Teluk Gedong pula terdapat Kota Belanda, iaitu runtuhan sebuah kota batu binaan orang Belanda pada tahun 16~~70~~. Menurut sejarah, kota ini didirikan dengan tujuan mengawal laluan barang-barang dagangan di negeri Perak terutamanya bijih timah. Ketika itu laluan laut di situ diancam oleh lanun serta orang Melayu yang sentiasa menentang penjajahan Barat.

Kota Belanda itu pada mulanya tidak berjaya berfungsi sebagai kubu pertahanan orang Belanda. Setelah diserang terus-menerus oleh Panglima Kulub dan pengikutnya orang Belanda terpaksa berundur meninggalkan kota itu. Walau bagaimanapun, mereka kembali semula ke kota itu setelah perjanjian persahabatan dibuat antara pihak Belanda dan pemerintah Perak pada tahun 1745. Pada tahun 1748 mereka meninggalkan kota itu buat selama-lamanya.

Melawat Pulau Pangkor tidak lengkap tanpa mengunjungi Pantai Puteri Dewi. Pantai indah dengan pasir yang bewarna keemas-emasan ini menyimpan satu legenda pilu



Pulau Pangkor

tentang pengorbanan cinta sejati seorang gadis terhadap kekasihnya.

Dahulu, di Pulau Ternate, Indonesia, ada seorang puteri raja bernama Puteri Dewi. Puteri ini gemar bersiar-siar. Setiap hari dia berjalan-jalan di sekitar istana dengan diiringi oleh inang-inangnya. Setiap hujung minggu pula dia belayar ke pulau-pulau yang berhampiran.

Pada satu musim, Puteri Dewi dan inang-inangnya tergerak hati untuk belayar jauh ke Pulau Pangkor. Malangnya, dalam perjalanan tersebut kapal Puteri Dewi telah terlanggar batu besar lalu pecah. Puteri Dewi dan semua pengiringnya terhumban ke laut. Nasib baik dia sempat berpaut pada sekeping papan hanyut.

Kemudian, apabila laut tidak bergelora lagi, sebuah kapal asing lalu di situ. Melalui teropongnya nakhoda kapal itu ternampak beberapa lembaga sedang terapung-apung di permukaan air. Dia segera mengarahkan anak kapalnya untuk memberi bantuan kecemasan.

Salah seorang pemuda yang berganding bahu menyelamatkan Puteri Dewi dan inang-inangnya itu bermama Wira. Dia membawa Puteri Dewi dan semua anggota rombongannya yang terselamat itu tinggal di rumahnya sementara menanti kapal mereka siap dibaiki.

Sejak dari awal lagi Puteri Dewi memerhatikan Wira. Wira seorang pemuda yang kacak, tegap dan amat baik budi bahasanya. Kesemua ciri tersebut telah menawan hati Puteri Dewi. Rupa-rupanya Puteri Dewi tidak bertepuk sebelah tangan. Wira juga tertarik hati kepada Puteri Dewi sejak awal pertemuan mereka.

Mereka berkenalan dan bergaul dengan mesra. Setiap senja mereka bersiar-siar dan memadu kasih di sekitar pantai itu. Setelah genap satu purnama mereka bersama, Puteri Dewi mula berasa gelisah kerana rindu kepada kaum keluarganya di seberang laut. Apalagi, ketika itu kapalnya juga sudah siap dibaiki.

“Wahai pujaan hatiku, dinda rasa sudah tiba waktunya untuk dinda kembali menemui ayah bonda. Terlalu rindu rasanya hati ini,” kata Puteri Dewi kepada Wira.

“Kanda faham perasaan dinda itu. Walaupun berat hati kanda melihat dinda pergi, namun kanda tidak dapat

menghalang hasrat dinda itu," sahut Wira dengan nada sedih.

Mereka berjanji untuk bertemu lagi suatu hari nanti. Sepeninggalan Puteri Dewi, Wira telah dihantar bertugas di laut. Malang tak berbau. Dia menemui kemalangan dan meninggal dunia semasa berada di laut.

Apabila tiba tarikh yang ditetapkan, Puteri Dewi belayar semula ke Pulau Pangkor untuk bertemu dengan kekasihnya Wira. Alangkah kecewa dan pilunya Puteri Dewi apabila mendapati kekasihnya itu sudah tiada lagi. Oleh kerana patah hati, Puteri Dewi mengambil keputusan untuk menurut jejak kekasihnya.

Pada malam itu, ketika inang-inangnya sedang leka bermain Puteri Dewi telah menyusup keluar dari rumah penginapannya. Dia berlari ke tepi laut, melewati tempat dia dan Wira berpadu kasih dahulu. Di sana, dia memanjat satu batu yang besar ialu terjun ke dalam laut. Air yang dalam dan ombak yang besar telah memakan Puteri Dewi. Keesokannya, Pulau Pangkor tergempar oleh berita kehilangan puteri itu.

Kematian Puteri Dewi demi membuktikan kesetiaan cintanya kepada Wira itu benar-benar menyentuh hati penduduk tempatan. Untuk mengabadikan kisah cinta mereka itu, pantai tempat Puteri Dewi menamatkan hayatnya itu telah dinamakan Pantai Puteri Dewi.



Batu Gajah

Hutan negara kita kaya dengan hidupan liar. Setiap binatang mempunyai caranya sendiri untuk mencari makanan dan menjauhi bahaya. Cerita dongeng mengatakan bahawa di hutan hanya satu perkara yang tidak adil: kewujudan Sang Kelembai.

Mulut Sang Kelembai ringan tetapi masin. Dia suka menegur dan apa-apa yang ditegurnya pasti menjadi batu. Tidak ada binatang yang boleh mengatasinya. Maka banyaklah terdapat batu yang berbentuk binatang di dalam hutan negara kita. Batu-batu itu kononnya mangsa Sang Kelembai. Sungguh tidak adil. Hanya akal manusia yang boleh menundukkan Sang Kelembai.

Batu Gajah juga mendapat namanya kerana teguran Sang Kelembai. Ketika ditegur, gajah-gajah berkenaan sedang menyeberangi Sungai Perak.

Pada zaman Nabi Sulaiman dahulu, semua binatang dan unggas yang menghuni hutan rimba boleh bertutur, sebagaimana manusia sekarang. Banyak binatang yang bergaul mesra, bertegur sapa antara satu sama lain dan hidup dengan aman. Namun kadangkala berlaku juga perbalahan kerana masing-masing binatang itu ingin menunjukkan kehebatannya supaya mendapat gelaran pahlawan rimba.

Selalunya, apabila berlaku perebutan demikian, sang harimau yang kerap diakui sebagai pahlawan kerana kegarangannya menjadi ketakutan semua. Hal ini menimbulkan kecemburuhan sang gajah yang nyata lebih besar dan gagah. Malah ketika terjadi pergaduhan antara mereka sang harimau pasti kalah. Oleh itu, harimau sentiasa mengelakkan pertembungan dengan gajah.

Cabaran demi cabaran untuk beradu kekuatan dibuat oleh kumpulan gajah terhadap harimau tetapi harimau tidak mempedulikan semua cabaran itu. Maka gajah-gajah telah bermuafakat mencari jalan untuk merebut gelaran panglima itu daripada harimau. Mereka bersetuju bahawa cara yang terbaik ialah dengan menyerang harimau dan mengusirnya dari kawasan itu. Apabila harimau sudah tiada maka gajahlah kuasa tertinggi di hutan itu.

Gajah memang besar kepala. Dengan takbur gajah menganggap bahawa Sang Kelembai juga takut kepada-

nya. Semua binatang tahu bahawa saiz gajah besar dan belalainya sangat kuat.

Pada suatu hari sekawan gajah jantan dan betina menyeberangi Sungai Perak untuk menyerang seekor harimau yang berada di tebing sana. Gajah-gajah itu langsung tidak menyedari bahawa gerak-geri mereka sedang diawasi oleh Sang Kelembai. Sang Kelembai berasa hairan melihat kumpulan gajah itu. Pada fikirannya, gajah-gajah itu mahu berpindah ke tempat lain. Akan tetapi, dia tertanya-tanya, mengapa pula gajah-gajah itu tidak membawa anaknya sekali?



Perbuatan gajah itu menimbulkan bermacam-macam anggapan pada Sang Kelembai. Dia tidak berpuas hati

selagi tidak mendapat jawapan yang muktamad. Lantaran itu Sang Kelembai bergerak menghampiri tebing Sungai Perak dan terus menegur kumpulan gajah itu. Gajah yang terdengar suara Sang Kelembai itu lari bertempiaran. Hanya beberapa ekor sahaja yang terselamat manakala yang lainnya dengan serta-merta menjadi batu.

Melihat kejadian itu Sang Kelembai terus beredar dari tempat itu menuju ke hilir sungai. Hatinya riang kerana sekali lagi terbukti bahawa segala haiwan dapat ditewaskan melalui tegurannya.

Dalam kegembiraannya itu tiba-tiba Sang Kelembai terlihat serban manusia tersangkut jauh lebih tinggi daripada paras kepalanya. Dia mulai berasa takut kerana menyangkakan ada makhluk yang lebih tinggi daripadanya. Tanpa berlengah-lengah lagi Sang Kelembai terus meninggalkan tempat tersebut supaya tidak sempat bertemu dengan makhluk yang tinggi itu.

Sebenarnya serban itu sengaja diletakkan oleh manusia di pucuk buluh itu dengan tujuan supaya serban itu tidak kotor. Untuk menyangkut serban itu, batang buluh dilenturkan dan kemudian dilepaskan supaya tegak semula.

Sejak kejadian itu Sang Kelembai terus membawa diri ke kaki langit. Dia tidak meninggalkan baka langsung, kerana itulah keturunannya tidak ditemui oleh manusia hingga ke hari ini.

Masa terus beredar dan lama-kelamaan semakin ramai manusia yang datang berkampung di situ. Memandang-

kan tempat tersebut belum bernama lagi, mereka bersetuju untuk memanggilnya Batu Gajah, bersempena dengan batu-batu berbentuk gajah yang terdapat di situ.

Batu Gajah tidak terlepas daripada campur tangan Inggeris. Satu daripada peninggalan kesan kehadiran mereka ialah *Kellie's Castle*, atau Kota Kellie. *Kellie's Castle* ini kepunyaan seorang pemilik ladang getah Inggeris bernama William Kellie Smith. Di dalam bangunan ini terdapat bilik-bilik tersembunyi dan sebuah terowong rahsia yang tidak diketahui halanya. Malangnya pembinaan bangunan ini tergendala apabila Kellie Smith pulang ke England.



Kellie's Castle

Kellie Smith dilaporkan hilang dan kemudian dijumpai mati di Lisbon pada tahun 1926. Hingga ke hari ini para pengunjung masih tidak dapat menyelesaikan misteri terowong *Kellie's Castle*.



Lamat

Lamat dan **Lumut** dua bersaudara yatim piatu. Mereka tinggal di pinggir desa di sebuah teratak buruk peninggalan ibu mereka.

Pekerjaan **Lamat** dan **Lumut** setiap hari ialah mencari rotan dan akar kayu untuk dijual di pekan. Walaupun hasil pencarian mereka tidak seberapa, malahan sering tidak mencukupi, namun mereka menjalani kehidupan yang gembira. Tambahan pula, **Lamat**, si saudara tua, sudah mempunyai kekasih yang bernama **Milah**.

Lamat dan **Milah** saling cinta-mencintai. Akan tetapi, perhubungan mereka tidak direstui oleh keluarga **Milah**

yang agak berpengaruh di desa itu. Mereka menganggap Lamat terlalu miskin dan tidak berupaya menyara hidup Milah nanti. Lamat telah berusaha keras untuk mengubah nasibnya dan seterusnya memenangi hati keluarga Milah. Namun begitu, dia menyedari bahawa dirinya serba kekurangan berbanding dengan pemuda-pemuda lain di desa itu.

Suatu hari, orang kampung telah memfitnahkan Lamat yang kononnya telah berbuat sumbang dengan Milah. Untuk menjaga air muka keluarga Milah, Lamat disuruh segera meninggalkan desa itu.

Pada malam itu, Lamat telah berunding dengan adiknya, Lumut. "Apalah nasib kita, Mut. Kita bekerja keras, hasilnya tetap tak seberapa. Sekarang orang kampung pula tak suka pada abang."

Mendengarkan rintihan abangnya itu, Lumut segera mencelah, "Benar, bang. Hidup kita tetap miskin. Apa kata kalau kita mencuba nasib di tempat lain? Mana tahu, untung sabut timbul, hidup kita akan lebih senang."

Lamat berasa gembira dan berkata, "Abang pun berasa begitu. Kalau demikian, eloklah kita berkemas sekarang. Pagi-pagi esok kita bertolak."

Merantaulah dua beradik itu untuk beradu nasib di tempat orang. Setelah agak lama berjalan, mereka pun berhenti rehat dan membuka bekalan makanan masing-masing. Ketika mereka makan, Lamat terpandang seorang lelaki tua yang sedang berjalan memikul cangkul. Mereka

segera mendekati orang tua tersebut untuk bertanyakan arah. Orang tua itu melayan mereka dengan mesra.

Rupa-rupanya tidak jauh dari situ sudah ada perkampungan kecil. Tidak ramai orang luar yang tahu akan kewujudan tempat itu.

Setelah agak lama berbual, lelaki tua itu berkata: "Pakcik rasa, kalau anak berdua tiada tempat bermalam, eloklah tinggal di sini dahulu? Boleh tumpang di rumah pakcik."

Lamat dan Lumut sangat gembira menerima pelawaan orang tua itu. Keesokan harinya, pagi-pagi lagi mereka telah bangun untuk melihat persekitaran kawasan itu. Lamat dan Lumut membantu mengerjakan tanah padi milik orang tua itu. Semua orang kampung suka kepada mereka kerana mereka sangat rajin.

Lumut juga menolong menebas dan membersihkan kawasan hutan untuk bertani. Secara kebetulan, sebahagian daripada tanah yang diusahakan oleh Lumut itu kelihatan seperti permaidani hijau yang cantik. Tanah itu diselimuti lumut yang hidup subur di batu-batu dan batang kayu. Orang kampung menggelarkan tanah itu 'lumut'.

Pada mulanya nama 'lumut' itu digunakan secara gurau-gurauan sebagai memadankan nama si yatim piatu itu dengan tumbuhan lumut di ladangnya. Lama-kelamaan nama itu terlekat pada kampung itu. Kini Lumut bukan lagi kampung kecil tetapi pekan yang penting. Di sitolah terletaknya pangkalan induk angkatan laut diraja negara.



Tanjung Malim

Tanjung Malim sebuah pekan utama di negeri Perak Darul Ridzuan. Pekan ini terletak kira-kira 40 kilometer dari laut, di tebing Sungai Bernam yang menjadi sempadan negeri Perak dan negeri Selangor.

Menurut cerita, Tanjung Malim dahulu dikenali sebagai Sungai Genta. Kemudian kampung itu didatangi seorang ‘malim’, iaitu orang yang alim atau guru agama. Malim itu tinggal di kawasan tanjung di siku Sungai Bernam, berhampiran dengan jambatan keretapi sekarang. Di situ dia banyak menjalankan amal ibadat. Suatu hari malim itu ghaib dan terus tidak menjelma lagi.

Sejak dari peristiwa itu orang kampung mengenali kawasan di sekitar siku sungai itu sebagai Tanjung Malim. Lama-kelamaan nama itu terkenal dan turut digunakan untuk merujuk kepada seluruh kawasan Sungai Genta.


Menurut satu cerita lain, nama lama Tanjung Malim ialah Bernam, bukan Sungai Genta. Bernam itu lahir daripada perkataan ‘berenam’ atau enam sekawan.

Enam saudara lelaki dari Sumatera telah berhijrah ke Tanah Melayu. Mereka memudiki sebatang sungai, yang ketika itu belum bermama, lalu singgah di suatu tanjung. Setelah berbincang, keenam-enam mereka bersetuju untuk tidak meneruskan perjalanan mereka dan sebaliknya menetap di kawasan itu sahaja. Yang paling alim di antara mereka diberi penghormatan untuk tinggal di tanjung tersebut sementara yang selainnya meneroka kawasan hutan di sekeliling tanjung itu.

Tanah di situ subur. Maka ramailah orang yang menyusul mereka untuk tinggal di perkampungan baru itu. Kawasan tanjung itu kemudian menjadi satu pangkalan yang penting. Orang yang berkunjung ke sana mengenali perkampungan itu sebagai Kampung Bernam sempena enam saudara yang menerokanya.

Apabila mereka meninggal dunia, kesemua enam beradik itu dikebumikan di tanjung tersebut. Kubur saudara mereka yang sangat alim dan dihormati itu dianggap kubur keramat dan sering disebut dalam perbualan. Lama-kelamaan tanjung itu masyhur dengan nama Tanjung Alim atau Tanjung Malim.

Kawasan tidak jauh dari tapak Institut Pendidikan Sultan Idris (IPSI) sekarang pula dikenali sebagai Kubang Nyiru. Mengikut legenda, di kawasan itu terdapat sebuah kubang yang besar yang didiami oleh jin. Jin itu sentiasa merayau di kawasan bukit di sekitar Tanjung Malim. Sesiapa yang tidak disukai oleh jin itu akan jatuh sakit teruk atau langsung mati. Cara untuk memujuk jin itu supaya tidak mengganas ialah dengan mempersembahkan seekor kerbau kepadanya.



Institut Pendidikan Sultan Idris

IPSI dahulu dikenali sebagai Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Penubuhannya adalah buah fikiran R.O. Winstedt yang bertujuan menggabungkan Maktab Melayu Melaka (1900-1922) dan Maktab Melayu Matang, Perak (1913-1922). MPSI dirasmikan pada 29 November 1922. Peningkatan tarafnya pula berlaku pada 1 Ogos 1987.



Kampung Kota Raja Bersiung

Tidak jauh dari bandar Selama, di utara Perak, terdapat sebuah kampung yang diberi nama Kampung Kota Raja Bersiung. Di kampung ini terdapat sebuah gua yang kononnya digunakan oleh Raja Bersiung untuk bersembunyi ketika orang Kedah memburunya.

Menurut cerita, di negeri Kedah dahulu ada seorang raja yang suka pada masakan yang dicampurkan dengan darah manusia. Kegemaran raja itu bermula apabila tukang masak istana terluka jarinya ketika memotong sayur. Darah daripada lukanya itu kemudian termasuk ke dalam

masakannya. Raja itu mendapati masakan yang telah bercampur dengan darah itu sungguh enak lalu memerintahkan supaya darah terus dicampurkan ke dalam masakan baginda setiap hari.

Ramailah dayang-dayang istana yang menjadi mangsa kepada raja mereka. Lama-kelamaan, raja itu ketagih darah. Darah bukan sekadar dicampurkan ke dalam lauknya, tetapi juga dijadikan minuman. Sebagai akibat kegemaran menghirup darah manusia itu, raja itu telah ditumbuhki siung atau gigi taring. Kerana terlalu malu akan siung itu, baginda telah mengarahkan rakyatnya membina sebuah istana di atas bukit. Baginda melarang rakyatnya mendongak kerana dikhawatir mereka akan melihat siungnya yang semakin hari semakin panjang. Sesiapa yang ingkar akan dihukum pancung.

Mahu tidak mahu rakyat jelata terpaksa mempersembahkan darah manusia kepada raja mereka. Dari sehari ke sehari, semakin ramai yang menjadi korban, hingga tidak ada seorang pun yang sanggup menjadi tukang masak istana.

Suatu hari, seorang utusan raja telah turun ke bawah bukit istana. Dia menemui seorang lelaki dan memujuknya supaya menjadi tukang masak istana. Lelaki itu bersetuju tetapi dengan satu syarat.

Kata lelaki itu, "Kalau mahu ambil hamba menjadi tukang masak, hendaklah dibenarkan hamba memakan kangkung yang diikat panjang sedepa."

Utusan raja itu bersetuju dengan syarat itu. Tujuan lelaki itu mengenakan syarat tersebut ialah supaya dia dapat mendongakkan kepalanya untuk melihat istana raja itu. Semasa bakal tukang masak itu makan, dia mengangkat pangkal kangkung yang panjang sedepa itu tinggi-tinggi di atas paras kepalanya. Hanya dengan cara itu barulah dia boleh mendongakkan kepalanya dan memasukkan bahagian hujung sayur itu ke dalam mulutnya.

Dia menggunakan kesempatan itu untuk melihat istana raja. Terkejut besar lelaki itu. Rajanya yang sedang berdiri di jendela istana ketika itu memang mempunyai siung, seperti yang sering diceritakan. Tanpa menyudahkan makanannya, lelaki itu menjerit sekuat-kuat hatinya. "Raja bersiung! Raja bersiung!"

Kawasan di sekitar kaki bukit istana itu menjadi gempar. Penduduk bersepakat untuk membunuh raja mereka yang bersiung itu. Walau bagaimanapun, pakatan mereka itu telah sampai ke pengetahuan raja. Baginda mengambil keputusan untuk melarikan diri supaya tidak ditangkap.

Raja Bersiung melarikan diri dengan meredah hutan demi hutan. Orang kampung terus memburunya. Raja Bersiung sedar bahawa selagi baginda tidak mencabut siungnya, selagi itulah baginda akan mendapat kesusahan. Oleh sebab itu, di sepanjang lariannya, baginda telah berusaha sedaya upaya untuk mencabut siungnya.

Kemudian baginda sampai ke satu tempat yang dinamakan Merba. Di situ barulah baginda berjaya mencabut siungnya, iaitu dengan cara memulas siung itu.

Mengambil sempena peristiwa itu, penduduk tempatan telah mengubah nama kampung itu kepada Merba Pulas.

Siung yang berjaya dicabutnya itu telah dibaling sejauh-jauhnya, ke pedalaman negeri Kedah. Tempat siung itu jatuh kini dikenali sebagai Baling. Selepas peristiwa itu baginda meneruskan perjalannya hingga sampai di sebuah gua di Selama. Baginda bersembunyi di gua itu untuk beberapa lama, sebelum kehadirannya di situ diketahui oleh musuh. Gua itu kemudian dinamakan Gua Raja Bersiung. Kampung di kaki bukit bergua itu pula dipanggil Kampung Kota Raja Bersiung.



Tapah

Tapah ialah pusat pentadbiran daerah Batang Padang. Seperti kebanyakan tempat lain, Tapah dahulu hanyalah sebuah perkampungan yang penduduknya bercucuk tanam untuk menyara hidup. Asal usul Tapah dikaitkan dengan kisah seekor ikan, iaitu ikan tapah.

Pada masa dahulu, di kampung ini ada seorang lelaki yang bernama Pak Kaduk. Dia sangat suka berjudi dengan menyabung ayamnya. Ayam Pak Kaduk memang handal dan sentiasa menang sabung.

Suatu hari sultan mengajak Pak Kaduk menukar ayamnya dengan ayam baginda. Pak Kaduk bersetuju tanpa berfikir

panjang. Kemudian sultan mengajak Pak Kaduk menyambung ayam mereka. Sekali lagi Pak Kaduk bersetuju. Pak Kaduk mempertaruhkan kampung dan anak isterinya. Setelah berlaku pertarungan hebat ayam sultan menang.



Dengan kekalahan itu maka tergadailah kampung dan anak isteri Pak Kaduk. Kini barulah Pak Kaduk sedar bahawa dia telah ditipu oleh sultan. Dia kalah kerana ayam jaguh yang membawa kemenangan kepadanya selama ini sudah menjadi milik sultan.

Pak Kaduk berasa menyesal dan bersumpah tidak mahu berjudi lagi. Sebaliknya, dia akan mencari harta untuk menebus kembali isteri dan anaknya yang telah tergadai.

Sedang Pak Kaduk duduk termenung memikirkan masa depannya, tiba-tiba seekor kucing mengiau. Pak Kaduk tersentak. Kucing itu ialah kucing kesayangannya yang selalu dibawa ke tempat menyabung ayam.

Kucing itu melompat turun ke tanah dan terus berlari ke tepi sungai. Sejurus kemudian kucing itu pulang dan menggesel-geselkan kepalanya pada kaki Pak Kaduk. Kemudian kucing itu berlari menuju ke tepi sungai sekali lagi. Ini perkara ganjil, bisik hati Pak Kaduk. Tergerak pula hatinya untuk mengikut kucing itu pergi ke sungai.

Di tepi sungai, Pak Kaduk melihat seekor ikan tapah yang besar tersadai di atas tebing. Pak Kaduk menekan-nekan perut ikan tapah itu dan merasakan ada sesuatu benda keras di dalamnya. Pak Kaduk berkejar pulang ke rumahnya untuk mengambil sebilah pisau, dan kemudian berkejar ke tebing sungai semula.

Ikan bertuah itu masih tersadai di atas tebing, seolah-olah sudah menyerahkan nasibnya kepada Pak Kaduk. Sebaik sahaja perut ikan tapah itu ditoreh, Pak Kaduk ternampak beberapa ketul emas urai di dalamnya.

“Dengan emas ini, dapatlah aku menebus anak isteri dan kampung halamanku,” kata hatinya.

Setelah semua emas urai itu dikeluarkan, Pak Kaduk menjahit perut ikan tapah itu supaya tertutup semula. Pak Kaduk menggunakan benang daripada urat daun nanas dan sebatang jarum yang sudah patah. Sebelum melepaskan ikan tapah itu ke dalam air, Pak Kaduk melafazkan

satu sumpah: "Kerana pertolongan kamu aku telah memperolehi emas yang berharga yang dapat menebus semua hartaku dan anak isteriku yang telah tergadai. Aku berjanji, sesiapa sahaja daripada keturunanku yang memakan ikan tapah, akan aku sumpah supaya dihinggapi penyakit gatal dan pecah-pecah kulit!"

Ikan tapah yang dilepaskan oleh Pak Kaduk itu dikatakan berenang ke hilir lalu memasuki Sungai Perak. Sejak peristiwa itu penduduk tempatan menamakan sungai yang mengalir berhampiran dengan rumah Pak Kaduk itu sebagai Sungai Tapah dan memanggil kampung mereka, Kampung Tapah.

Menurut cerita, hingga ke hari ini keturunan Pak Kaduk masih tidak boleh memakan ikan tapah.

Ada satu versi lain tentang cerita ikan tapah ini. Kawasan sungai yang berhampiran dengan rumah Pak Kaduk, kira-kira 200 meter ke hulu jambatan jalan raya sekarang, dipanggil Lubuk Lesung. Kononnya seorang budak yang menggunakan lesung sebagai rakit telah mati lemas di situ. Tidak lama kemudian seekor ikan tapah yang besar ditangkap di kawasan itu. Apabila perut ikan itu dibelah keluarlah jasad budak yang mati lemas itu.

Menurut penduduk tempatan, hingga kini kesan peristiwa itu boleh dirasai. Dalam kesunyian malam, kadang-kadang mereka terdengar suatu bunyi yang menyerupai kelening rantai diseret. Mereka percaya bunyi itu akan disusuli sesuatu yang tidak baik, maka mereka melarang anak-anak mereka daripada turun mandi di sungai itu.



Teluk Batik

Teluk Batik, sepuluh kilometer dari Lumut, adalah suatu tempat perkelahan yang popular di Perak. Pantainya yang landai dan pasimnya yang putih menjadi tumpuan ramai terutama pada hujung minggu dan pada hari cuti am.

Menurut cerita penduduk tempatan, pantai ini mula-mulanya diduduki oleh suku Batak dari Sumatera, Indonesia. Kisahnya bermula di Sumatera pada sekitar 1870-an. Seorang raja Batak ingin mengahwinkan puterinya dengan putera raja pilihannya.

Akan tetapi, puteri tersebut enggan berkahwin kerana tubuhnya mempunyai kecacatan. Kecacatan itu bukan

sekadar memalukan, tetapi tentu menimbulkan kemarahan apabila diketahui suaminya nanti. Oleh sebab itu, dia mengambil keputusan untuk terus merahsiakan kecacatannya itu. Dia tahu bahawa keputusannya itu tidak mungkin difahami oleh keluarganya. Ayahandanya pasti murka. Untuk mengatasi masalah tersebut, puteri itu telah melarikan diri bersama-sama dengan beberapa orang pengikutnya yang setia.

Setelah beberapa lama belayar, akhirnya mereka sampai di suatu pantai yang cantik di seberang Selat Melaka. Puteri itu membuat keputusan untuk tinggal di situ sahaja. Tempat itu dinamakan Teluk Batak, sebagai mengenang asal keturunan mereka. Nama itu kekal hingga ke awal 1970-an apabila Sultan Idris menukarkannya kepada Teluk Batik.

Teluk Batik menyediakan beberapa kemudahan pelancongan, termasuk rumah tumpangan. Kadar sewa yang dikenakan oleh rumah tumpangan itu rendah walaupun rumah itu lengkap dengan bekalan air dan api.




Kuala Kangsar

Kuala Kangsar yang terletak di tebing Sungai Perak adalah bandar diraja negeri Perak Darul Ridzuan. ‘Kangsar’ ialah nama sejenis pokok (*hibiscus flocossus*). Kulit pokok ini liat, bewarna kelabu, dan boleh dipintal menjadi tali. Sungai Kangsar adalah anak Sungai Perak.

Kuala Kangsar adalah bandar yang paling bersejarah di negeri Perak. Di bandar ini terdapat banyak bangunan yang menarik perhatian pelancong. Antaranya Istana Iskandariah dan Istana Kenangan di Bukit Chandan, Masjid Ubudiah dan Maktab Melayu Kuala Kangsar. Istana Iskandariah, tempat sultan Perak bersemayam,

dinamakan bersempena sultan yang mencadangkan pembinaannya, Sultan Iskandar Shah, sultan Perak yang ke-30. Istana Iskandariah siap dibina dalam tahun 1933.

Istana Kenangan terletak tidak jauh dari Istana Iskandariah. Istana ini dibina pada tahun 1926, juga dalam tempoh pemerintahan Sultan Iskandar Shah (1918-1938). Sultan Iskandar Shah bersemayam di istana ini ketika menunggu penyiapan Istana Iskandariah.




Istana Iskandariah

Istana Kenangan dikenali dengan pelbagai nama lain: Istana Tepas, Istana Kuning, Istana Lembah, Istana Tetamu, dan Istana Mayat. Nama-nama ini nyata mencerminkan ciri atau fungsi bangunan ini. Dindingnya diperbuat daripada pelupuh buluh yang dianyam atau disirat, yang disebut sebagai **tepas**. Warnanya yang paling

ketara ialah warna kuning. Perletakannya pula di kaki bukit atau di kawasan lembah.

Pada suatu ketika dahulu Istana Kenangan pernah digunakan sebagai tempat istirahat tetamu sultan Perak. Selain itu, istana ini pernah dijadikan tempat persinggahan jenazah (**mayat**) keluarga diraja untuk disempurnakan sebelum jenazah itu dimakamkan.



Istana Kenangan

Nama ‘Istana Kenangan’ pula muncul selepas kemerdekaan Tanah Melayu, iaitu sempena lawatan Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman. Pada tahun 1986, Istana Kenangan dijadikan muzium diraja Perak. Muzium ini mempamer-kan artifak kebudayaan Melayu.

Maktab Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan dalam tahun 1905 sebagai sebuah institusi pengajian putera-putera

bangsawan Melayu. Kini semua anak Melayu berpeluang menjelaki tangga Maktab Melayu.

Kuala Kangsar juga terkenal dengan Masjid Ubudiah, tidak jauh dari Istana Iskandariah. Pembinaan masjid ini adalah idea Sultan Idris Murshidul Adzam Shah. Kerja pembinaannya bermula pada tahun 1913 dan berakhir pada tahun 1917.



Masjid Ubudiah

Sultan Idris memerintah dari tahun 1887 hingga tahun 1916. Sewaktu baginda gering dan terlantar di Port Dickson, baginda bernazar membina sebuah masjid di Bukit Chandan, Kuala Kangsar sekiranya baginda sembah. Dengan izin Tuhan, baginda telah sembah. Itulah permulaan Masjid Ubudiah.

